

Majlis Anugerah Kualiti Ke-15

**Teks Ucapan Naib Canselor
YBhg. Prof. Dato' Dr. Sharifah Hapsah
Syed Hasan Shahabudin**

**Isnin, 10 September 2007
8.30 pagi**

DECTAR, UKM

*Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.*

Yang dimulikan pengacara majlis

Yang Mulia Tengku Tan Sri Dato' Seri (Dr)
Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail
Pro-Canselor, UKM

Yang Berbahagia
Prof. Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin
Timbalan Naib Canselor
Hal-ehwal Pelajar dan Alumni

Yang Berbahagia
Prof. Datuk Dr. Sukiman Sarmani
Timbalan Naib Canselor
Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa

Yang Berbahagia
Prof. Dato' Dr. Ibrahim Komoo
Timbalan Naib Canselor
Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi

Yang Berbahagia
Prof Dr Saran Kaur Gill
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri & Masyarakat

Yang Berusaha
Encik Ab. Aziz Othman
Pendaftar
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Majlis
Anugerah Kualiti

Tuan Hj. Mohd. Abd. Rashid Mohd. Fadzil
Bendahari, UKM

Para professor

Pegawai-pegawai Kanan Universiti

Para Penerima Anugerah

Serta saudara dan saudari yang dihormati
sekalian.

1. Alhamdulillah, kerana pada pagi ini kita
dapat meraikan sekali lagi Majlis Anugerah
Kualiti Universiti Kebangsaan Malaysia.

2. Majlis Tahun 2007 yang bertemakan
“Kualiti Teras Kecemerlangan” merupakan
majlis Ke-15 anugerah kualiti. Saya
mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi
tahniah kepada penerima-penerima anugerah
seramai 706 kakitangan, di mana 600 orang
menerima anugerah perkhidmatan cemerlang,

52 orang menerima anugerah khidmat 20 tahun dan 54 orang menerima anugerah khidmat 30 tahun. Saya yakin bahawa pilihan telah dibuat dengan tepat dan semua penerima telah memenuhi tema hari kualiti dan telah menjadikan kualiti asas kecemerlangan dalam pelaksanaan tugas masing-masing sepanjang tahun 2006.

Saudara saudari sekalian

3. Pada 27 hb Ogos 2007 Kerajaan telah melancarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang menggariskan tujuh

teras strategik yang menjadi halatuju pengajian tinggi ke arah mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara yang maju, berdaya saing dan teguh tetap kekal utuh. Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi bagi tempoh 2007-2010 yang merupakan perletakan asas atau fasa I ke arah mencapai fasa ke 4 atau fasa kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi pada tahun 2020. Fasa 2 ia itu peningkatan dan pemerksaan, Fasa 3 atau Kecemerlangan dan 4 akan diperincikan dalam Rancangan Malaysia ke 10 dan ke 11.

Saudara saudari sekalian

4. Segala perancangan hanya akan berguna jika kita menghayati dan mengamalkannya. Justeru saya mahu semua Ketua-ketua Bahagian di UKM termasuk Dekan, Pengarah Pengetua Kolej, Pendaftar, Bendahari dan Pustakawan menubuh kumpulan-kumpulan kecil di bahagian masing-masing untuk meneliti setiap aspek Pelan ini, implikasinya bagi UKM dari segi faktor kejayaan kritikal dan menjelaskan tindakan-tindakan yang perlu kita ambil dalam kerangka waktu atau time frame yang paling sesuai untuk menjayakan hasrat

yang terkandung di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

5. Antara faktor kejayaan kritikal adalah tadbir urus, budaya, infrastruktur dan sumber. Keempat-empat perkara ini berhubung rapat dengan kualiti.

6. Tadbir urus terbaik perlu diterap di semua peringkat pengurusan UKM. Ia merangkumi isu ketelusan, tanggungjawab, integriti dan sistem penyampaian yang konsisten yang berteraskan Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicators yang ditetapkan. Kita mestilah

sentiasa mengaudit diri sendiri berlandaskan kerangka jaminan kualiti dalam pelaksanaan proses-proses utama universiti supaya kita sentiasa berakauntabel. Keputusan mestilah dibuat berlandaskan fakta dan bukan faktor lain yang tidak objektif.

7. Aspek budaya termasuk perubahan minda di semua peringkat dalam melaksanakan tugas dan pembinaan semangat bersaing. Kita mesti mempunyai azam kerja yang berorientasikan pencapaian dan prestasi. Kita mesti mempunyai sistem nilai yang menekankan pembelajaran sepanjang hayat untuk sentiasa menambahbaik

tugas harian melalui inovasi kecil dan besar. Pada masa yang sama kita mesti peka kepada aspek perpaduan negara dan integrasi nasional yang menjadi tulang dalam sistem pendidikan negara. Kita mesti hargai kepelbagaian kerana dalam kepelbagaian lah kita mempunyai keistimewaan untuk bersaing di peringkat global yang lebih pelbagai.

8. Aspek infrastruktur termasuk kemudahan fizikal termasuk peralatan komputer dan penyelidikan dan aspek bukan fizikal seperti pengisian teknologi maklumat dan komunikasi, perundangan dan peraturan, dasar,

pembangunan kurikulum dan pendekatan pengajaran-pembelajaran. Kita mesti menyediakan infrastruktur yang fungsional dan berkesan dari segi kos, penggunaan secara optimum dan tidak abai aspek penyelenggaraan.

9. Aspek sumber menekankan kewangan dan sumber manusia yang berkualiti serta penggemblengan pihak berkepentingan seperti industri dan alumni. Kita mesti sedar bahawa sebagai universiti penyelidikan, UKM mestilah juga serius menjana kewangan sendiri. Kita mesti pandai memilih, melantik dan mengekal

bakat-bakat tempatan dan juga mencari yang terbaik di dunia untuk berkhidmat dengan UKM. Kita mesti cekap mengagih sumber.

10. Jika memberi perhatian kepada keempat-empat faktor kritikal ini maka saya percaya jalan kita untuk mencapai kelestarian kedudukan UKM sebagai universiti terbaik di Malaysia akan lebih mudah dan cepat.

11. UKM sudah pun diiktiraf sebagai universiti penyelidikan. Kita telah memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri. Kita menduduki tempat tertinggi di kalangan universiti tempatan dalam

Times Higher Education Ranking. Bidang Perubatan dan Kesihatan mendapat ranking 56 dalam dunia dan bidang sains pula ranking 62. Ini pencapaian yang tinggi dan tidak boleh lagi kita menoleh ke belakang. Sekarang kita mesti bertekad untuk menjadi universiti pertama yang mendapat status self accrediting dan universiti yang diiktiraf sebagai universiti apeks. Jadikan ini sumber inspirasi kepada kita dalam memupuk semangat untuk menjalankan tugas dengan berkualiti dan cemerlang. Kita perlu bekerja lebih kuat untuk mengekalkan pengiktirafan tersebut agar nama universiti ini

terus menjadi universiti penyelidikan yang disegani dan dihormati.

12. Kepada saudara saudari sekalian, saya menyeru supaya sentiasa menjaga reputasi UKM. Reputasi amat sukar dibina tetapi dengan cepat boleh dirobuhkan akibat tingkahlaku segelintir warga kita. Lebih-lebih lagi jika digembar-gemburkan media massa.

13. Sentiasa lah memperbaiki diri kerana kita menghadapi persaingan bukan sahaja dari Institusi Pengajian Tinggi Awam lain dan institusi swasta tetapi juga kampus asing yang

wujud di negara ini dan institusi lain di dunia. Justeru itu marilah bersama-sama kita meningkatkan lagi potensi, kekuatan dan kaliber kakitangan universiti agar dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang.

14. Bagi pihak Universiti, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan UKM yang menerima anugerah di majlis ini. Semoga kecemerlangan anda semua ini dapat menjadi contoh kepada kakitangan lain untuk memupuk budaya kualiti demi memelihara citra UKM.

Kalau rotan dipanjat benalu,

Sekerat disimpan dalam bakul;

Kalau beban sudah ke bahu,

Berat ringan wajib dipikul.

Tinggi bukit gilang-gemilang,

Air laut tenang-tenangan;

Budi sedikit tidakkan hilang,

Itu menjadi kenang-kenangan.

*Wabillahi taufik wa hidayah wa salamulaikum
wa rahmatullahi wa barakatuh.*